



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

# BULETIN ICAN

UiTM NEGERI SEMBILAN  
NOVEMBER 2022



eISSN 2811-3802



9772811380008

MEMANGKIN USAHA SAMA INDUSTRI, ALUMNI & KOMUNITI


# JARINGAN ANTARABANGSA SECARA MAYA UiTM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN DAN UNIVERSITAS AIRLANGGA KE ARAH MELAHIRKAN GRADUAN YANG DINAMIK

ASIAH ABDULLAH, NOR AKMALAZURA JANI,  
WAN ELINA FARADILLA WAN KHALID & MAZNI MUSA

Pihak universiti sentiasa menyahut cabaran untuk menjalankan program berimpak tinggi walaupun dunia sedang menghadapi pandemik COVID-19. Berikutan itu, UiTM Cawangan Negeri Sembilan (UiTMCNS) melalui Pusat Pengajian Kimia dan Alam Sekitar (PPKAS), Kampus Kuala Pilah dengan kerjasama Kelab Al-Chemist telah berjaya menganjurkan program pengantarabangsaan, Remote Global Outreach Programme 5.0 (rGOP 5.0) bersama Universitas Airlangga (UNAIR), Surabaya, Indonesia pada 16 dan 17 Oktober 2021. Program pengantarabangsaan ini telah diadakan secara maya melalui aplikasi Cisco Webex dan Live Streaming di YouTube. Program rGOP 5.0 adalah merupakan kesinambungan daripada program Global Outreach Programme (GOP) siri 1.0, 2.0 dan 3.0 (yang diadakan secara bersemuka) serta Remote Global Outreach Programme 4.0 (rGOP 4.0) yang telah dilaksanakan buat julung-julung kalinya secara maya pada 1 dan 2 September 2020. Program rGOP 5.0 ini diteruskan pada tahun 2021 berikutan maklumbalas positif daripada para peserta. Penganjuran rGOP 5.0 masih mengekalkan objektif utamanya iaitu untuk melahirkan mahasiswa dan mahasiswi yang berdaya saing dalam menghadapi era globalisasi masa kini. Bertemakan 'Kerjasama Global Ke Arah Melahirkan Graduan yang Dinamik', program ini telah berjaya menarik minat seramai 360 orang peserta yang terdiri daripada para pelajar serta pensyarah UiTM dan UNAIR.

Hari pertama program rGOP 5.0 dimulakan dengan ucapan alu-aluan dan perasmian oleh Prof. Dr. Yamin Yasin, Rektor UiTMCNS dan diteruskan dengan Forum Kebolehpasaran Graduan-


bertajuk COVID-19 and Graduate Employability: Insights from Industry and Universities bersama panel jemputan iaitu Prof. Dr. Mohd. Sazili Shahibi, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar, UiTM dan Prof. Dr. Ni Nyoman Tri Puspaningsih, Timbalan Rektor Penyelidikan, Inovasi dan Pembangunan Komuniti, UNAIR.



Sebahagian ahli jawatankuasa pelaksana yang terdiri daripada pensyarah dan staf UiTMCNS yang telah menjayakan rGOP 5.0.

Di samping itu, Encik Leonard Ariff Abdul Shatar, Pengarah Eksekutif Duopharma Biotech Berhad, Malaysia turut menjadi salah seorang panel jemputan dari industri pada sesi forum ini. Antara isu yang dibincangkan pada sesi forum ini adalah berkaitan kesan dan persediaan graduan dalam menghadapi cabaran peluang pekerjaan semasa dan pasca COVID-19. Sesi forum ini dilihat dapat memberi pendedahan kepada graduan untuk mempersiapkan diri bagi menghadapi dunia pekerjaan yang semakin mencabar.

Pada hari kedua pula, program rGOP 5.0 dimulakan dengan Bicara Industri berkaitan prospek kerjaya khususnya bagi graduan bidang kimia. Panel jemputan adalah terdiri daripada Encik Ahmad Faisal Fadzil yang merupakan ahli kimia dari Petronas Berhad, Malaysia dan Encik Arif Luqman yang merupakan Pengarah Envilab, Indonesia. Kedua-dua panel masing-masing merupakan alumni dari UiTM dan UNAIR. Pelbagai ilmu bermanfaat termasuk pengalaman bekerja dalam industri, prospek kerjaya graduan kimia serta tips-tips penting bagi mempersiapkan diri dalam menghadapi alam pekerjaan telah dikongsikan oleh para panel.



Antara aktiviti yang dilakukan oleh pelajar UiTM dan UNAIR semasa program rGOP 5.0

Selain Forum Kebolehpasaran Graduan dan Bicara Industri, program rGOP 5.0 turut memberi fokus kepada aktiviti yang melibatkan pelajar dari kedua-dua universiti. Antara aktiviti yang telah dijalankan sepanjang dua hari program rGOP 5.0 berlangsung adalah Mock Interview, Desktop Research on Industry dan Interactive Resume. Aktiviti ini telah dijayakan oleh 131 orang pelajar dan hasil aktiviti pelajar ini telah dinilai oleh panel Bicara Industri. Tugas yang telah dijalankan secara berkumpulan dan terdiri daripada gabungan pelajar dari kedua-dua universiti ini ternyata telah berjaya memupuk semangat kerjasama dan meningkatkan kemahiran generik serta komunikasi dua hala antara pelajar UiTMCNS dan UNAIR. Program rGOP 5.0 ini dilihat telah berjaya mengukuhkan lagi jaringan kerjasama dan kolaborasi di antara UiTM dan UNAIR ke arah pembentukan graduan yang berkualiti dan menepati kehendak pasaran semasa.